

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha Kerajaan Persekutuan dalam menambah baik jaringan jalur lebar terutamanya di kawasan luar bandar di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui inisiatif yang dibiayai menerusi Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS), Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang merangkumi pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih giat dilaksanakan. Setakat September 2019, sebanyak 2,426 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di kawasan luar bandar di seluruh negara dan terdapat 220 menara komunikasi baharu masih di peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 608 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di Negeri Sarawak dan terdapat 32 menara lagi masih di peringkat pelaksanaan.

SOALAN NO : 12

2. Pihak SKMM telah menaiktaraf sebanyak 5,130 lokasi menara kepada perkhidmatan 3G dan 4G, ini termasuklah 1,014 lokasi bagi Negeri Sarawak. Manakala sebanyak 49 lokasi menara masih lagi dalam peringkat penaiktarafan di seluruh negara.

Inisiatif Kerajaan	Siap (Seluruh Negara)	Dalam Pelaksanaan (Seluruh Negara)	Siap (Sarawak)	Dalam Pelaksanaan (Sarawak)
Pembinaan Menara Komunikasi Baharu	2,426	220	608	32
Penaiktarafan Menara Sedia Ada	5,130	49	1,014	-

3. Selain itu, bagi inisiatif berkaitan peluasan Jalur Lebar Talian Tetap yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir dan luar bandar; lebih dari 620 ribu sambungan telah tersedia yang melibatkan penaiktarafan 572 ibusawat di seluruh negara, manakala baki 60 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019. Ini termasuklah lebih 29 ribu sambungan telah siap di Negeri Sarawak dan baki 8 ribu sambungan dalam peringkat pelaksanaan.

Inisiatif Kerajaan	Siap (Seluruh Negara)	Dalam Pelaksanaan (Seluruh Negara)	Siap (Sarawak)	Dalam Pelaksanaan (Sarawak)
Jalur Lebar Talian Tetap Luar Bandar dan Pinggir Bandar	620 ribu sambungan 572 Ibu Sawat	60 ribu sambungan	29 ribu sambungan	8 ribu sambungan

SOALAN NO : 12

4. Antara inisiatif lain oleh Kerajaan untuk menyokong pemberi perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan 4G adalah projek rangkaian teras gentian optik. Di Negeri Sarawak, sepanjang 1,237 km gentian optik telah siap beroperasi dan digunakan untuk penyediaan perkhidmatan 4G.

5. Untuk memastikan liputan jalur lebar dapat disediakan kepada hampir semua penduduk, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, (“NFCP”)) mensasarkan 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.